

## KERATAN AKHBAR


---

TARIKH : 22 OGOS 2022

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2113045#.YwH7oMQqVYQ.twitter>

### **Matlamat sifar miskin tegar menjelang 2025 mampu dicapai – Mustapa**



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) ketika merasmikan Simposium Keluarga Malaysia: Pencapaian dan Harapan di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), yang turut dihadiri Menteri Kanan Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof (kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

**PUTRAJAYA, 21 Ogos (Bernama) --** Matlamat sifar miskin tegar dalam negara menjelang akhir 2025 mampu dicapai melalui inisiatif dan program yang dilaksanakan kerajaan Keluarga Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata dalam menangani miskin tegar mekanisme baharu yang lebih holistik iaitu program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Menurutnya kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM36 bilion untuk pembasmian kemiskinan dalam RMK12, dengan peruntukan RM150 juta adalah bagi program BMTKM 2022.

“Menjelang akhir 2025, kerajaan akan mengisyiharkan tiada lagi keluarga Malaysia yang miskin tegar,” katanya pada Simposium Keluarga Malaysia: Pencapaian dan Harapan disini hari ini yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau yang membentangkan laporan mengenai pencapaian ‘Keluarga Malaysia Menangani Cabaran Ekonomi’ berkata sehingga kini, terdapat 136,000 keluarga miskin tegar dalam negara, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu katanya pelaksanaan Program Rintis Fasa 1 BMTKM sedang giat dilaksanakan dengan melibatkan 80 lokaliti seluruh negara.

“Sehingga kini, 64 daripada 80 lokaliti telahpun dilaksanakan melalui program BMTKM Fasa 1,” katanya.

Sementara itu Mustapa berkata kerajaan Keluarga Malaysia juga sedang memberi tumpuan terhadap program peningkatan pendapatan bagi membasi kemiskinan dalam negara.

“Program peningkatan pendapatan seperti program dalam bidang penternakan, pertanian dan keusahawanan. Program seperti pembangunan modal insan serta latihan dan kursus asas pengurusan kewangan juga sedang giat diadakan,” katanya.